

# Adiwira pembersihan pemangkin pembangunan Melaka



Norafiqah Jamal

AYER KEROH - Keringat dan penat lelah lebih 4,000 pekerja pembersihan seluruh Negeri Melaka dihargai pada Majlis Apresiasi Pekerja Pembersihan Negeri Melaka 2024 yang diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), 8 Disember lalu.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, kesemua pekerja pembersihan daripada pelbagai agensi itu diraikan atas kecemerlangan dan komitmen mereka dalam memastikan kebersihan dan kelestarian alam sekitar di Melaka terus terjaga serta terpelihara terutama sepan-

jang kempen Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024).

Beliau turut memuji usaha dan pengorbanan pekerja pembersihan selain menyifatkan karier tersebut mulia di sisi Islam yang sememangnya menuntut untuk menjaga kebersihan.

"Teruskanlah mencurahkan khidmat bakti dengan mel-

etakkan kebersihan sebagai keutamaan lebih-lebih lagi pada tahun hadapan kita (Melaka) bakal menerima kehadiran pelancong dari serata dunia sempena penganjuran Hari Pelancongan Sedunia 2025 (WTD2025).

Pekerja pembersihan berperanan penting kepada pembangunan sesebuah negara khusus dalam menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran.

"Buktinya, pekerja wira dan wirawati ini telah menjadi penyumbang kepada pengiktirafan Bandaraya Melaka sebagai bandar terbersih

di Asia Tenggara selepas menerima anugerah 'Clean Tourist City Standard' (ACTC) pada Januari lalu," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Azhar Arshad; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin dan Exco Pelancongan, Wawasan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta ketua jabatan dan agensi.

Pada majlis itu, mereka yang diraikan adalah pekerja pembersihan membabitkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Setia Selenggara, Perbadanan Ketua Menteri (CMF), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) dan lain-lain lagi.

Lebih istimewa, majlis itu turut menampilkan persembahan artis popular seperti Aming Spring dan Haiza, selain menyediakan lebih 1,800 cabutan bertuah termasuk sebuah kereta dan tiga buah motosikal.



AB Rauf bersafot bersama pekerja pembersihan Negeri Melaka pada Majlis Apresiasi Pekerja Pembersihan Negeri Melaka 2024 di MITC, Ayer Keroh. Foto Amin Jenal

## Karnival KPDN Zon Selatan

# Gamit 104,000 pengunjung, nilai jualan RM2.7 juta

Mohd Hamzatul Akmar Md Zakaria

AYER KEROH - Karnival Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Zon Selatan berjaya catat kutipan jualan tertinggi iaitu RM2.7 juta berbanding penganjuran di zon-zon lain.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, menyifatkan penganjuran karnival tersebut sebagai membanggakan kerana berjaya catat lebih 104,000 pengunjung sepanjang tiga hari penganjurannya bermula 6 Disember lalu.

Ab Rauf berkata, lebih membanggakan apabila Karnival itu diiktiraf Malaysia Book of Record (MBOR) sebagai 'Longest Non-Stop Government Community Sales' iaitu 40 jam tanpa henti Program Jualan Rahmah Madani.

"Alhamdulillah, ini merupakan jumlah yang tertinggi sepanjang penganjuran Program Jelajah Karnival KPDN bagi Tahun 2024 berbanding dengan kutipan di zon-zon lain.

"Setakat 12 tengah hari (8 Disember lalu), statistik pengunjung Program Jelajah Karnival KPDN merekodkan seramai 104,000 pengunjung dengan nilai hasil kutipan jualan berjumlah RM2.7 juta sepanjang tiga hari berlangsung.

Program ini telah berlangsung selama 40 jam tanpa henti, sekali gus mendapat pengiktirafan oleh MBOR, iaitu Longest

Non-Stop Government Community Sales iaitu 40 jam tanpa henti Program Jualan Rahmah Madani," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Karnival KPDN 2024 Zon Selatan di Dataran Sejarah Ayer Keroh, di sini, 8 Disember lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Azhar Arshad; Timbalan Menteri Belia dan Sukan merangkap Ahli parlimen Hang Tuah Jaya Adam Adli Abd Halim; Ketua Setiausaha KPDN; Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Datuk Rais Yasin; Exco Pembangunan Usahawan, Kooperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri Alex Seah Shoo Chin; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta wakil-wakil jabatan.

Jelas Ab Rauf, penganjuran seumpamanya memberikan impak yang besar bagi menggerakkan ekonomi selain membuka mata masyarakat mengenai fungsi serta perkhidmatan yang ditawarkan KPDN.

"Pada masa yang sama, karnival ini turut menonjolkan peranan dan tugas KPDN seperti advokasi kepenggunaan, penguatkuasaan, inisiatif di bawah Payung Rahmah Madani seperti Jualan Rahmah Madani dan Advokasi Logo Barangan Malaysia (LEM)," katanya.



AB Rauf menyantuni peniaga dan orang ramai pada Majlis Perasmian Penutup Karnival KPDN 2024 Zon Selatan di Dataran Sejarah Ayer Keroh. Foto Amin Jenal / Pejabat Ketua Menteri

**BUKUMPUTERA SAHAJA**

Taman Kota Syahbandar

SIAP DENGAN CCC

KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT  
22' x 80'

PELAN LOKASI

KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT  
22' x 70'

張兄弟發展有限公司

TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.

Lot 81 & 83, Jalan IPS MQ 3, Kawasan Perindustrian Makin Jaya, 76000 Melaka, Malaysia. Tel: 06 - 336 0501

06 - 334 5555

www.teobros.com